



KORPORAT

ARKIB : 22/08/2009

## Giant bakal buka pasar di Kelantan

KUALA LUMPUR 21 Ogos - Giant bakal membuka pasar raya besar baru di Kota Bharu pada pertengahan September, yang pertama oleh pemilik pasar raya besar itu di Kelantan dan keempat di pantai timur.

"Kami berharap untuk membuka lebih banyak cawangan di Kelantan. Ini akan berdasarkan kepada sokongan yang akan kami terima dari pasar raya besar baru ini," kata Pengarah Pemasaran GCH Retail, Ho Mun Hao selepas pelancaran sistem pengagihan bantuan tanpa tunai di sini.

Sistem baru itu membolehkan golongan miskin membeli barangan keperluan mereka di pasar raya Giant di Bandar Kinrara dan Jinjang, di sini dengan menggunakan MyKad mereka.

Di bawah program berkenaan, suri rumah keluarga penerima, dikredit dengan elaun bulanan dan diberikan nombor pengenalan peribadi untuk memberi barangan keperluan makanan.

"Sistem tanpa tunai ini adalah dengan kerjasama antara Yayasan MyKasih, Multimedia Development Corporation (MDec) dan Jabatan Pendaftaran Negara," katanya.

Hadir sama pada pelancaran itu ialah Ketua Pegawai Eksekutif MDec, Datuk Badlisham Ghazali dan Pengarah Yayasan MyKasih, Tan Sri Megat Najmuddin Megat Khas.

GCH Retail merupakan rangkaian perniagaan runcit di Malaysia dengan 95 pasar raya besar dan pasar raya Giant, 19 pasar raya Cold Storage dan 320 kedai kesihatan dan kecantikan Guardian di seluruh negara. - BERNAMA